



8,000 penjawat awam Pahang terima RM1,200 [METROTV]

Asrol Awang
am@hmetro.com.my

Kuantan: Kerajaan Pahang hari ini bersetuju menyalurkan Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri berjumlah RM1,200 kepada 8,000 penjawat awam negeri itu.

Menteri Besar Datuk Sri Wan Rosdy Wan Ismail berkata, ia akan membatinkan peruntukan berjumlah RM9.6 juta dan bantuan itu akan mula dibayar pada 20 April.

ADVERTISING

Katanya, kadar bantuan diberikan itu juga meningkat RM200 berbanding, RM1,000 tahun ini.

"Bantuan ini dapat dilaksanakan kerana kerajaan negeri mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh dan sebagai menghargai sumbangan serta khidmat bakti penjawat awam di negeri ini," katanya ditemui selepas Majlis Sumbangan Awal Persekolahan Murid Tahun 1 bagi Tahun 2022 di Dewan Majlis Bandaraya Kuantan (MBK) di sini, hari ini.

Beliau berharap inisiatif diberikan dapat menyuntik semangat penjawat awam dan meringankan beban mereka selain mahu mereka berbelanja secara berhemah dalam melakukan persediaan Aidilfitri.



DATUK Seri Wan Rosdy Wan Ismail berucap sempena Majlis Pelancaran Agihan Bantuan Prihatin Pahang 2022 di Dewan Majlis Bandaraya Kuantan, Jalan Tanah Putih, Kuantan. FOTO Farizul Hafiz Awang

Disiarkan pada: April 13, 2022 @ 5:52pm